

12/12/1999

Wanita hormat keputusan PM

KUALA LUMPUR: Pergerakan Wanita Barisan Nasional (BN) walaupun kecewa kerana wanita kehilangan satu kerusi menteri dalam barisan Kabinet baru, berjanji akan meningkatkan prestasi bagi menebus maruah mereka.

Ketua Pergerakan Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata Wanita MCA tidak dapat lari daripada berasa sedikit kecewa dengan kedudukan itu, tetapi yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mempunyai alasan terbaik dalam membuat keputusan itu.

"Sudah pasti kami tidak dapat lari daripada berasa kecewa, tetapi pada masa yang sama kami menghormati keputusan Perdana Menteri yang meletak kriteria begitu tinggi sehingga sukar mencari calon wanita yang sesuai untuk diisi.

"Justeru, saya berjanji akan bekerjasama dengan semua menteri dan timbalan menteri wanita yang lain bagi menebus kekecewaan itu.

"Kami akan berusaha untuk memastikan harapan Perdana Menteri untuk menyaksi kehadiran wanita yang lebih berwibawa, dapat dicapai tidak lama lagi," katanya.

Ketika mengumumkan senarai Kabinet kelmarin, Dr Mahathir berkata kekurangan satu jawatan menteri untuk wanita kali ini disebabkan calon yang dikemukakan tidak memenuhi kriteria.

"Saya kesal kerana saya tidak boleh menyenaraikan tiga menteri wanita. Saya ingin mempunyai tiga atau lebih tetapi ia tidak dapat dilakukan...tapi kita akan menebusnya dengan cara lain," katanya.

Dua tokoh wanita yang dikekalkan sebagai menteri ialah Datuk Seri Rafidah Aziz yang kekal di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, yang berubah portfolio kepada Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

(END)